

JADUAL KADAR HARGA POKOK 2026

JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



PENASIHAT

Mansor Bin Mohamad
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

KETUA EDITOR

Dr. Mazifah bin Simis
Jabatan Landskap Negara

PENOLONG KETUA EDITOR

Yusnita binti Abd Karim
Pengarah
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan

SIDANG PENGARANG

Noraini binti Samsuri
Ahmad Nasron bin Yusoff @ Bos'an
Suhana binti Mohamad Ejam
Marziati binti Mat Hassan
Norhanida binti Jamaludin
Norsalawati binti Ahmad Fisol

SIDANG RIDAKSI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Jadual Kadar Harga Pokok ini dapat diterbitkan sebagai rujukan rasmi buat semua pemain industri landskap di Malaysia.

Penerbitan buku ini merupakan satu langkah strategik Jabatan Landskap Negara (JLN) dalam memperkasakan tadbir urus pembangunan landskap negara yang lebih sistematik. Kami menyedari bahawa salah satu cabaran utama dalam industri ini adalah penetapan kos yang tepat dan saksama, yang sering kali menjadi titik kritikal dalam pengurusan projek.

Buku ini diterbitkan bukan sekadar sebagai rujukan harga, malah ia merupakan instrumen penting bagi memastikan kualiti bahan tanaman di pasaran sentiasa terpelihara. Jadual Kadar Harga ini disediakan sebagai rujukan utama kepada para pemain industri dalam menentukan kos penanaman 'Standard Tree' yang menepati spesifikasi Malaysia Standard – Landscape Planting Materials – Trees – Specification (MS 2603:2015).

Dokumen ini disediakan khusus bagi membantu mana-mana pihak yang terlibat dalam penyediaan kontrak kerja landskap di seluruh Malaysia sama ada agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), perunding, mahupun kontraktor swasta. Dengan adanya Jadual Kadar Harga ini, pengguna kini mempunyai rujukan yang standard untuk menentukan kos yang terlibat dalam penyediaan dokumen kontrak dengan lebih yakin dan efisien.

Semoga naskhah ini menjadi pemangkin kepada peningkatan profesionalisme industri landskap negara dan membantu memacu Malaysia ke arah sebuah Negara Taman yang mampan.

Sekian, terima kasih.

**Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara**



KATA ALUAN



ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
01	PENGENALAN	6 - 8
02	'STANDARD TREE'	9-10
03	ASAS PENANAMAN POKOK	11 - 12
	3.1 Pemilihan Bahan Tanaman	12
	3.2 Penyediaan Lubang Tanaman	13-14
	3.3 Penyediaan media Tanaman	15
	3.4 Kaedah Penanaman Pokok	16 - 17
	3.5 Pemancangan	18 - 22
	3.6 Sungkupan	23
	3.7 Penyelenggaraan Pokok	24
04	SENARAI HARGA POKOK	25 - 29
05	PANDUAN PENYEDIAAN ANGGARAN HARGA POKOK	30-31
	5.1 Contoh Pengiraan Bagi Menentukan Kadar Harga Sebatang Pokok	32-33



PENGENALAN 01

1. Pengenalan

Pembinaan taman-taman awam dan projek landskap di seluruh negara telah merancakkan lagi perkembangan industri landskap dan secara tidak langsung mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap bahan-bahan tanaman di tapak samaian di seluruh negara.

Bagi melicinkan urusan teknikal dan menyelaraskan kontrak-kontrak kerajaan, maka Jabatan Landskap Negara telah menjalankan kajian lapangan dan menyediakan angkatap buruh, jentera, bahan-bahan lain yang terlibat dalam kerja-kerja penanaman pokok utama dan kajian pasaran harga pokok semasa.

Antara komponen utama bagi penyediaan Jadual Kadar Harga adalah harga seunit pokok merangkumi harga bahan mentah, kadar harga buruh, jentera, peralatan dan keuntungan.

2. Latar Belakang

Jabatan Landskap Negara telah menyediakan dokumen Jadual Kadar Harga Pokok 2026, Revisi dari Jadual Kadar Harga tahun 2010. Dokumen ini disediakan bagi merealisasikan strategi di dalam Dasar Landskap Negara 2.0.

3. Tujuan

Jadual Kadar Harga disediakan sebagai rujukan kepada pengguna di dalam industri landskap dalam menentukan kos penanaman 'Standard Tree' berdasarkan Malaysia Standard – Landscape Planting Materials–Trees–Specification (MS 2603:2015).

Selain itu, Jadual Kadar Harga juga dapat membantu pihak Jabatan menyelaraskan setiap anggaran kos bagi semua projek landskap yang melibatkan permintaan terhadap bahan-bahan penanaman di seluruh negara.

4. Kategori Bahan Penanaman

Merujuk *Malaysia Standard–Landscape Planting Materials–Trees–Specification (MS 2603:2015)*, terdapat 6 kategori bahan penanaman pokok yang diguna pakai dalam kerja-kerja landskap iaitu :

- i. 'Whip Sapling'
- ii. 'Standard Feathered Whip'
- iii. **'Standard Tree'**
- iv. 'Heavy Standard Tree'
- v. 'Extra Heavy Standard Tree'
- vi. 'Instant Tree'

Harga bahan penanaman ditentukan berdasarkan kadar tumbesaran, tinggi, diameter dan juga saiz medium penanaman. Semua kos asas telah dimasukkan dalam kaedah pengiraan harga bahan penanaman. Kadar peningkatan harga penanaman bergantung kepada kadar tumbesaran, kemudah - dapatan dalam pasaran serta aliran perkembangan landskap semasa.



STANDARD TREE 02

STANDARD TREE 02

2.0 Perincian 'Standard Tree'

Bil.	Perkara	Nota
1.	'Standard Tree'	Pokok jenis bersaiz medium kerap digunakan dalam kerja-kerja landskap. Pokok yang baik mempunyai batang utama tegak lurus dan mempunyai sistem pecabangan yang baik. Dipangkas semasa pertumbuhan untuk menghasilkan 'crown' yang cantik.
2.	Spesifikasi 'Standard Tree'	
a.	'Trunk Diameter' - Ukur lilit batang pokok	40mm hingga 50mm
b.	'Trunk Height' - Diukur dari aras tanah sehingga ke ranting dahan pertama	1500mm hingga 1800mm
c.	'Overall Height' - Diukur dari aras tanah sehingga ke cabang / pucuk teratas pokok	2000mm hingga 3000mm
d.	'Container Size' - Saiz polibeg bagi setiap pokok. Saiz polibeg adalah penting untuk saiz pokok, perkembangan akar, pengkalan air, pengangkutan dan pengendalian pokok untuk ditanam.	600mm x 600mm
e.	'Root Ball Size' - "Bebola akar" merujuk kepada jisim akar dan tanah yang biasanya terdapat di pangkal tumbuhan atau pokok. Semasa pemindahan, ini adalah bahagian yang digali dan dipindahkan untuk memastikan sistem akar tumbuhan dipelihara untuk pertumbuhan yang sihat di lokasi baharu. Bola akar membantu memberikan kestabilan dan nutrien kepada tumbuhan.	500mm(d) x 300mm(h)
f.	'Crown Size' - Saiz silara pokok yang merujuk kepada dimensi bahagian atas pokok merangkumi daun dan dahan. Ia merupakan aspek penting dalam morfologi pokok dan berbeza mengikut spesis.	1500mm hingga 1800mm



ASAS PENANAMAN POKOK 03

3.0 Asas penanaman Pokok

Asas penanaman pokok yang sihat merangkumi empat keperluan utama: air yang cukup, cahaya matahari mencukupi, nutrien daripada tanah yang subur, dan udara (oksigen/karbon dioksida). Selain itu, penjagaan tanah, pemilihan biji benih yang baik dan kawalan penyakit/serangga melalui pencegahan sama ada secara konvensional mahupun organik adalah kunci utama kejayaan penanaman.

Berikut adalah asas penanaman pokok yang lebih terperinci:

3.1 Pemilihan Bahan Tanaman

Sumber bahan tanaman yang baik boleh diperolehi daripada tapak semaian yang mempunyai reputasi baik dan sistem pengurusan pokok yang cekap dan teratur.

Bahan tanaman yang dipilih mestilah:

1. Bebas dari penyakit.
2. Mempunyai struktur dahan yang sihat dan kuat.
3. Mempunyai batang yang lurus.
4. Bebas dari kecederaan dan reput pada bahagian dahan, batang dan akar.
5. Mempunyai kolar akar yang jelas.
6. Akar tidak keluar daripada bekas tanaman / akar sudah dipotong. dan pokok telah melalui proses pengerasan (hardening).


Pastikan bahan tanaman yang dipilih menepati spesifikasi yang ditetapkan dan sesuai dengan keadaan di tapak dari segi pemilihan spesies, saiz, ketinggian dan juga saiz bebola akar.

3.2 Penyediaan Lubang Tanaman


1. Pastikan lokasi lubang tanaman adalah tepat seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Penanaman.
2. Tandakan lokasi setiap lubang tanaman dengan menggunakan kayu penanda.
3. Pastikan jarak 1 meter (3 kaki) dari garis pusat di sekeliling kawasan yang akan dikorek dibersihkan dan bebas daripada rumput serta rumpai.
4. Secara umumnya, saiz lubang tanaman yang disarankan adalah dua (2) ke tiga (3) kali ganda saiz bebola akar pokok yang hendak ditanam. Spesifikasi lubang tanaman berikut dicadangkan bergantung kepada keadaan tanah kawasan tanaman:
 - a) 1 m panjang x 1 m lebar x 1 m dalam - Spesifikasi ini sesuai untuk kawasan tanaman yang mempunyai kualiti tanah asal yang baik
 - b) 1.5 m panjang x 1.5 m lebar x 1 m dalam - Spesifikasi ini dicadangkan untuk kawasan tanaman yang mempunyai kualiti tanah yang tidak baik, kawasan bermasalah dan juga tanaman di kawasan bandar. Saiz lubang tanaman boleh dibesarkan sehingga 2 m panjang x 2 m lebar x 1 m dalam mengikut keperluan tapak.
 - c) Sekiranya dinding dan dasar lubang tanaman terlalu keras atau mampat, gembur dan hancurkan bahagian dinding dan dasar tersebut bagi memberi pengudaraan kepada akar pokok dan memudahkan pertumbuhan akar untuk menembusi bahagian tersebut semasa proses tumbesaran berlaku.

ASAS PENANAMAN POKOK

03



GAMBARAJAH 1: KERATAN RENTAS PENANAMAN POKOK



GAMBARAJAH 2: KERATAN RENTAS PENYEDIAAN LUBANG PENANAMAN

3.3 Penyediaan Media Tanaman

Campuran media tanaman standard yang digunakan secara umum terutamanya di kawasan bandar adalah dengan nisbah campuran 3:2:1.

- 3 bahagian tanah lapisan atas (top soil)
- 2 bahagian bahan organik
- 1 bahagian pasir

Sekiranya tanah asal mempunyai kualiti yang baik, adalah digalakkan untuk menggunakan tanah asal untuk menggantikan bahagian tanah lapisan atas (top soil). Selain itu, bahan tambahan seperti penggalak akar boleh dicampur bersama-sama tanah campuran bagi membantu pokok yang baru ditanam lebih cepat stabil.

Nisbah campuran media tanaman boleh diubah suai mengikut kesesuaian kawasan, terutamanya bagi kawasan tanah bermasalah untuk membaik pulih tanah sedia ada:

- a) **Tanah berpasir** - nisbah 1:2:1 dicadangkan iaitu 1 bahagian tanah lapisan atas (topsoil), 2 bahagian kompos dan juga 1 bahagian tanah asal (pastikan kompos yang digunakan telah stabil untuk mengelakkan mendapan).
- b) **Tanah liat** - nisbah 1:2:1 dicadangkan iaitu 1 bahagian *top soil*, 2 bahagian kompos dan juga 1 bahagian pasir.
- c) **Tanah berasid** (tanah masam seperti asid sulfat) - lakukan penaburan kapur ke atas tanah asal untuk menaikkan pH tanah.

Catatan: Kos untuk membaik pulih kawasan tanah bermasalah adalah tinggi. Keberkesanan serta tahap kelangsungan hidup pokok bergantung kepada pH dan keadaan saliran tanah. Oleh itu, adalah penting untuk memilih pokok yang bersesuaian dengan keadaan tanah asal untuk memastikan tahap kelangsungan hidup yang tinggi.

3.4 Kaedah Penanaman Pokok

1. Waktu terbaik untuk melakukan penanaman adalah pada waktu pagi atau petang yang redup. Penanaman semasa cuaca panas boleh menyebabkan pokok dan bebola akar cepat kering. Elakkan menanam pokok ketika hujan lebat atau tanah terlalu basah kerana ini boleh menyebabkan tanah menjadi mampat.
2. Pastikan lubang tanaman telah disediakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan sebelum pokok dihantar untuk ditanam di tapak.
3. Sekiranya lubang tanaman belum tersedia, pastikan terdapat tapak semaian sementara untuk penyimpanan pokok bagi mengelakkan pokok terbiar lama di tapak tanaman.
4. Sebelum penanaman pastikan ukur kedalaman lubang tanaman. Isi sedikit bahagian dasar lubang tanaman dengan tanah campuran sehingga ketinggian yang sesuai iaitu sehingga bahagian atas bebola akar bahan tanaman terletak tinggi sedikit berbanding aras tanah (sekitar 3 - 5 cm). Ukuran yang sesuai adalah penting untuk mengelakkan pokok ditanam terlalu dalam atau terlalu tinggi.
5. Lakukan pemangkasan dahan yang rosak, patah atau mati sekiranya ada.
6. Tanggalkan bahagian bawah bekas tanaman atau pembalut akar secara berhati-hati. Elakkan daripada mencederakan akar pokok.
7. Masukkan pokok ke dalam lubang yang telah disediakan dengan berhati-hati untuk mengelakkan bebola akar daripada pecah atau rosak.

ASAS PENANAMAN POKOK

03

8. Pastikan pokok ditanam dalam keadaan tegak, lurus dan stabil. Bahagian atas bebola akar perlu sedikit lebih tinggi berbanding aras permukaan tanah bagi memberi ruang proses pembedapan selepas penanaman berlaku.
9. Tanggalkan keseluruhan bekas tanaman atau pembalut akar.
10. Longgarkan akar dan potong akar yang berpintal sekiranya ada. Akar yang dipotong perlu dirawat dengan racun kulat (Jika perlu).
11. Kambus keseluruhan lubang tanaman dengan bahan campuran yang telah disediakan.
12. Padatkan tanah campuran yang dimasukkan ke dalam lubang tanaman dengan ringan. Elakkan daripada memadatkan sehingga terlalu mampat.
13. Setelah selesai, pastikan bahagian kolar akar pokok dan bahagian atas bebola akar kelihatan dan tidak tertutup.
14. Pasang kayu pancang atau sistem sokongan yang sesuai dengan saiz dan ketinggian pokok.
15. Letak sungkupan di sekeliling kawasan akar pokok bagi mengekalkan kelembapan tanah.
16. Lakukan siraman dikeseluruhan kawasan ruang tanaman setelah kerja penanaman pokok selesai.

3.5 Pemancangan

Pemancangan dilakukan sebagai sistem sokongan kepada pokok yang baru ditanam. Tujuan utama pemancangan adalah:

- i. **Menyokong Pertumbuhan Tegak:** Memastikan pokok sentiasa berada dalam keadaan tegak dan lurus sepanjang tempoh pembesaran awal.
- ii. **Kestabilan daripada angin:** Memberi sokongan mekanikal agar pokok tidak tumbang atau condong akibat tiupan angin kencang.
- iii. **Melindungi Akar:** Mengurangkan pergerakan pada pangkal pokok supaya akar yang baru tumbuh tidak terganggu atau rosak semasa proses pengukuhan dalam tanah.

Saiz kayu pancang yang disyorkan ialah 50 mm X 50 mm X 3000 mm. Kayu pancang yang digunakan mestilah kayu keras yang tahan lama atau batang keluli yang dicat dengan warna yang bersesuaian. Kayu pancang lain adalah tidak dibenarkan untuk digunakan.


Terdapat tiga (3) kaedah pemancangan yang biasa digunakan iaitu:

3.5.1 Pemancangan 'rubber hose guying wire'

'Rubber hose guying wire' ialah teknik pengikatan menggunakan dawai yang dimasukkan ke dalam saluran getah yang bertindak sebagai pelindung untuk mengelakkan kecederaan pada batang pokok. 'Rubber hose' perlu diletakkan sepenuhnya di kawasan batang pokok dan ikatan dilakukan di bahagian tengah antara kayu pancang dan pokok. Teknik ini biasanya menggunakan 1 atau 2 kayu pancang, bergantung kepada kesesuaian dan tujuan sokongan.

3.5.2 Fungsi utama 'rubber hose guying wire' adalah:

- i. **Perlindungan Kulit Kayu:** Hos getah yang lembut menghalang dawai keluli daripada bergesel terus dengan batang pokok, sekali gus mengelakkan luka yang boleh mengundang penyakit.
- ii. **Kestabilan Mekanikal:** Dawai keluli memberikan kekuatan untuk menampung berat pokok dan menahan tiupan angin kencang.
- iii. **Fleksibiliti Pertumbuhan:** Hos getah yang fleksibel membolehkan pokok bergoyang sedikit secara semula jadi, yang sebenarnya membantu mengukuhkan sistem akar.
- iv. **Ketahanan Cuaca:** Hos yang tahan UV tidak mudah reput walaupun terdedah kepada matahari dan hujan untuk tempoh yang lama.




GAMBARAJAH 3: CARA MENGIKAT TALI BAGI 'RUBBER HOSE GUYING WIRE'

ASAS PENANAMAN POKOK 03

3.5.2 Pemancangan menggunakan wayar keluli

Teknik pemancangan ini tidak menggunakan kayu pancang dan biasanya digunakan untuk pokok yang tinggi. Wayar keluli dimasukkan ke dalam tiub getah yang berfungsi untuk melindungi batang pokok daripada kecederaan. Wayar tersebut akan diikat pada batang pokok dan seterusnya diikat pada kayu pancang bersaiz kecil yang dipasak pada tanah. Pemancangan pada tanah mestilah bersudut 45 darjah bagi memastikan sistem sokongan yang kuat dan stabil. Penggunaan 'turn buckle' disyorkan bagi memudahkan penyelarasan dibuat dari semasa ke semasa. Wayar keluli biasanya dipasang pada 3 atau 4 sudut untuk memastikan kestabilan pokok.



GAMBARAJAH 4: PEMANCANGAN MENGGUNAKAN WAYAR KELULI

3.5.3 Pemancangan 3 atau 4 penjuru

Kaedah ini menggunakan 3 atau 4 kayu pancang yang ditanam di sekeliling pokok bagi memastikan kestabilan pokok. Ia biasanya digunakan pada bahan tanaman bersaiz besar atau sederhana yang ditanam di kawasan terbuka serta terdedah kepada angin dari pelbagai arah.

Kedudukan kayu pancang: Kayu pancang ditanam secara sama jarak di luar kawasan bebola akar untuk mengelakkan kerosakan akar.

Kedalaman: Pancang perlu ditanam sedalam kira-kira 1 meter ke dalam tanah yang padat supaya ia stabil dan tidak mudah goyang.


Bahan Pengikat: Gunakan bahan yang lembut dan fleksibel seperti tali kanvas, getah, atau hos getah (rubber-hose guying wire) untuk mengelakkan kulit pokok tercedera. Bahagian batang pokok yang menyentuh kayu pancang perlu dibalut dengan kain guni dengan ketebalan yang bersesuaian untuk mengelakkan kecederaan pada batang pokok.

Teknik Ikatan: Ikat pokok pada ketinggian kira-kira $\frac{1}{3}$ daripada ketinggian batang pokok. Ikatan haruslah cukup kuat untuk menyokong tetapi masih membenarkan pokok bergoyang sedikit bagi menggalakkan pertumbuhan batang yang kuat.


ASAS PENANAMAN POKOK

03

Catatan: Buka kayu pancang sekiranya pokok telah stabil dan kuat. Tempoh kebiasaan adalah di antara 6 hingga 18 bulan, bergantung kepada spesies dan tahap kesihatan pokok.



GAMBARAJAH 5: PELAN PEMANCANGAN 3 PENJURU




GAMBARAJAH 6: KERATAN RENTAS PEMANCANGAN 3 PENJURU

ASAS PENANAMAN POKOK 03

3.6 Sungkupan

- 3.6.1 Sungkupan yang terdiri daripada bahan organik seperti sabut kelapa atau kompos yang diletakkan di bahagian atas lubang tanaman setelah kerja penanaman pokok selesai. Tujuan sungkupan untuk mengekalkan kelembapan tanah, membekalkan nutrient dan bahan organik semulajadi kepada tanah.
- 3.6.2 Tebal sungkupan yang disyorkan adalah setebal 5 cm ke 7 cm dan dijarakkan sebanyak 10 cm daripada pangkal batang pokok.
- 3.6.3 Sungkupan dipasang di sekeliling pangkal batang pokok membentuk bulatan dengan saiz diameter 1 m.
- 3.6.4 Sungkupan baru perlu ditambah dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan projek. Penambahan sungkupan baru dicadangkan pada setiap 4 - 6 bulan.



GAMBARAJAH 7: KERATAN RENTAS SUNGKUPAN

3.7 Penyelenggaraan Pokok

3.7.1 Penyelenggaraan pokok adalah penjagaan pokok selepas penanaman dilakukan. Penyelenggaraan bertujuan memastikan pokok membesar dengan sihat dan baik, selain memastikan nilai estetika kawasan tanaman kekal terpelihara.

3.7.2 Adalah disyorkan supaya peruntukan sebanyak 15% - 20% daripada kos pembangunan landskap lembut diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan setiap tahun.

3.7.3 Kerja-kerja rutin penyelenggaraan pokok adalah merangkumi perkara berikut:

- a. Penyiraman
- b. Merumpai
- c. Menggembur
- d. Pemotongan rumput
- e. Pembajaan
- f. Kawalan penyakit dan serangga perosak
- g. Pemangkasan
- h. Sulaman atau penggantian pokok baru
- i. Penambahan bahan organik dan rawatan kesuburan
- j. Sungkupan
- k. Penjarangan

*Kos penyelenggaraan berubah mengikut keperluan projek dan kawasan.



SENARAI HARGA POKOK 04

SENARAI HARGA POKOK 04

BIL.	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN / 'COMMON NAME'	HARGA PER UNIT (RM)
1	<i>Agathis borneensis</i>	Damar Minyak	480.00
2	<i>Azadirachta indica</i>	Semambu	380.00
3	<i>Ardisia elliptica</i>	Mempenai	300.00
4	<i>Andira inermis</i>	Cabbage Tree/Brown Heart,	380.00
5	<i>Araucaria heterophylla</i>	Norfolk Island Pine	550.00
6	<i>Alstonia angustifolia</i>	Pulai Penipu Paya, Red-leaved Pulai, Hard Alstonia	380.00
7	<i>Arfeuillea arborescens</i>	Hope Tree	380.00
8	<i>Buchanania arborescens</i>	Sparrows' Mango, Otak Udang, Katak Udang	420.00
9	<i>Brownea grandiceps</i>	Rose Of Venezuela	420.00
10	<i>Byrsonnima crassifolia</i>	Wild Cherry	420.00
11	<i>Brassia actinophylla</i>	Pokok Payung	580.00
12	<i>Barringtonia racemosa</i>	Putat Kampung, Putat Ayam	450.00
13	<i>Cinnamomum iners</i>	Kayu Manis hutan	380.00
14	<i>Cratoxylum formosum</i>	Pink Mempat, Derum, Mempat, Entemu, Geronggang Biabas	420.00
15	<i>Cratoxylum cochinchinense</i>	Derum Selunchor, Yellow Cow Wood, Mempat, Baduk-baduk, Red Mempat	450.00
16	<i>Citharexylum spinosum</i>	Mayang sari	450.00
17	<i>Cocoloba uvifera</i>	Sea Grape, Jamaican Kino, Platter Leaf	450.00
18	<i>Chrysophyllum caimito</i>	Cainito, Star Apple, Kameto, Star Apple	450.00
19	<i>Calophyllum soulattri</i>	Bintangor Bunut	450.00
20	<i>Calophyllum inophyllum</i>	Penaga Laut	380.00
21	<i>Callistemon citrinus</i>	Lemon Scented Bottlebrush, Crimson Bottlebrush	450.00
22	<i>Caesalpinia ferrea</i>	Brazilian Ironwood, Leopard Tree	480.00
23	<i>Carallia brachiata</i>	Meransi	400.00
24	<i>Cassia biflora</i>	Gelenggang	400.00
25	<i>Cassia fistula</i>	Rajah Kayu, Golden Shower	350.00

SENARAI HARGA POKOK 04

BIL.	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN / 'COMMON NAME'	HARGA PER UNIT (RM)
26	<i>Casuarina junghuhniana</i>	Mountain Ru, Red-tipped Ru	350.00
27	<i>Diospyros buxifolia</i>	Meribut, Kayu Malam	400.00
28	<i>Diospyrus blancoi</i>	Mentega	380.00
29	<i>Diospyrus celebica</i>	Kayu Hitam, Black Ebony	400.00
30	<i>Dalbergia latifolia</i>	Indian Rosewood, Tamalan Tree, Black Rosewood, Sonokeling	380.00
31	<i>Delonix regia</i>	Semarak api	350.00
32	<i>Dalbergia cochinchinensis</i>	Thailand Rosewood	380.00
33	<i>Dendrolobium umbellatum</i>	Dendulang, Petai Belalang, Petai Laut	320.00
34	<i>Dyera costulata</i>	Jelutong	550.00
35	<i>Syzygium antisepticum</i>	GelamTikus, Kelat Gelam	480.00
36	<i>Eucalyptus deglupta</i>	Pokok Pelangi	420.00
37	<i>Syzygium polyantha</i>	Salam , Serai Kayu	350.00
38	<i>Eurycoma longifolia</i>	Tongkat Ali	450.00
39	<i>Syzygium gratum</i>	Kelat Gelam	400.00
40	<i>Syzygium grande</i>	Jambu Laut, Kerian Batu, Sea Apple	380.00
41	<i>Syzygium myrtifolium</i>	Kelat Paya	300.00
42	<i>Syzygium zeylanicum</i>	Kelat Nasi	380.00
43	<i>Syzygium malaccense</i>	Malay Apple, Jambu Bol, Jambu Merah	380.00
44	<i>Syzygium glaucum</i>	Kelat	380.00
45	<i>Eugenia longifolia</i>	Kelat	420.00
46	<i>Tabernaemontana divaricata</i>	Pinwheel flower, East India Rosebay, Jelutong Badak	300.00
47	<i>Tabernaemontana corymbosa</i>	Great Rosebay, Flower of Love, Jelutong Badak	300.00
48	<i>Elaeocarpus mastersii</i>	Cemantung Merah, Lempedu Burung, Medang	400.00
49	<i>Flacourtia inermis</i>	Rukam Masam, Batoko Plum, Lobi-lobi, Plum of Martinique, Thornless	380.00
50	<i>Filicium decipiens</i>	Kiara Payung	420.00

SENARAI HARGA POKOK 04

BIL.	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN / 'COMMON NAME'	HARGA PER UNIT (RM)
51	<i>Ficus benamina</i>	Beringin	350.00
52	<i>Ficus lyrata</i>	Banjo Fig, Fiddle Leaf Fig	380.00
53	<i>Ficus deltoidea variegata</i>	Mas Cotek	450.00
54	<i>Ficus benghalensis</i>	Indian Banyan, Banyan Tree, East Indian Fig Tree, Ara Banyan	400.00
55	<i>Ficus annulata</i>	Ara Bungkus	300.00
56	<i>Gnetum gnemon</i>	Belinjau, Melinjau	350.00
57	<i>Garcinia subelliptica</i>	Happiness Tree, Fukugi	450.00
58	<i>Gardenia carinata</i>	Cempaka Hutan	380.00
59	<i>Garcinia cowa</i>	Kandis	380.00
60	<i>Hopea odorata</i>	Cengal Pasir	420.00
61	<i>Hopea ferrea</i>	Giam	450.00
62	<i>Leptospermum brachyandrum</i>	Weeping Tea-Tree	550.00
63	<i>Lagerstroemia langkawiensis</i>	Bungor Kedah	450.00
64	<i>Lepisanthes amoena</i>	Kayu Matahari	450.00
65	<i>Lagerstroemia speciosa</i>	Bungor Raya , Pride of India	350.00
66	<i>Lophanthera lactescens</i>	Golden Chain Tree	350.00
67	<i>Mesua ferrea</i>	Penaga Lilin / Ironwood	520.00
68	<i>Melaleuca cajuputi</i>	Gelam	350.00
69	<i>Melaleuca linarifolia</i>	Rhu Wangi	300.00
70	<i>Magnolia × alba</i>	Cempaka Putih	380.00
71	<i>Millingtonia hortensis</i>	Indian Cork Tree	380.00
72	<i>Mimusops elengi</i>	Bunga Tanjung	320.00
73	<i>Neolitsea zeylanica</i>	Teja Pasir	320.00
74	<i>Ormosia pinnata</i>	Hainan Ormosia	380.00
75	<i>Pteleocarpa lomponga</i> (Tembusu Tikus)	Tembusu tikus	380.00

SENARAI HARGA POKOK

04

BIL.	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN / 'COMMON NAME'	HARGA PER UNIT (RM)
76	<i>Podocarpus macrophyllus</i>	Yew Plum Pine, Buddhist Pine, Fern Pine	380.00
77	<i>Podocarpus rumphii</i>	Jati	420.00
78	<i>Peltophorum pterocarpum</i>	Batai Laut, Jemerlang Laut, Batai, Yellow Flame	300.00
79	<i>Pouteria obovata</i>	Pulau Dammar, Misi, Nyatoh Laut	420.00
80	<i>Psidium littorale</i>	Yellow Strawberry Guava	480.00
81	<i>Polyalthia longifolia</i>	Asoka	450.00
82	<i>Syzygium australe</i>	Gelam	1,500.00
83	<i>Sterculia parvifolia</i>	Kelumpang Burung	380.00
84	<i>Spathodea campanulata</i>	Pancut-pancut, African Tulip	350.00
85	<i>Shorea roxburghii</i>	Meranti Temak Nipis	380.00
86	<i>Schizolobium parahyba</i>	Tower Tree Brazilian Fire-tree	380.00
87	<i>Sandoricum koetjape</i>	Pokok Sentul, Kecapi	380.00
88	<i>Samanea saman</i>	Pokok Pukul Lima	380.00
89	<i>Swietenia mahagoni</i>	Pokok Tunjuk Langit	350.00
90	<i>Saraca thaipingensis</i>	Gapis, Gapis kunyit, Golak, Tanglin	450.00
91	<i>Tristanopsis whiteana</i>	River Tristania, Pelawan, Selunchor, Cancal, Cangal, Kayu Malu	550.00
92	<i>Tristanopsis obovata</i>	Sea Tristania, Pelawan-pelawan	550.00
93	<i>Terminalia mantaly</i>	Madagascar Almond, Umbrella Tree	350.00
94	<i>Tecoma stans</i>	Yellow Trumpetbush, Yellow Bells, Yellow Elder, Ginger Thomas.	250.00
95	<i>Tabebuia rosea</i>	Pink Trumpet, Rosy Trumpet Tree, Pink Poui	300.00
96	<i>Talipariti tiliaceum</i>	Sea Hibiscus	300.00
97	<i>Terminalia ivorensis</i>	Black Afara, Brimstonewood	350.00
98	<i>Tabebuia chrysantha</i>	Golden Trumpet Tree, Golden Goddess	400.00
99	<i>Tabebuia argentea</i>	Caribbean Trumpet Tree, Silver Trumpet Tree, Tree Of Gold.	450.00
100	<i>Xanthostemon chrysanthus</i>	Caribbean trumpet tree, silver trumpet tree, tree of gold.	350.00



PANDUAN
PENYEDIAAN ANGGARAN

05

PANDUAN PENYEDIAAN ANGGARAN

05

5.0 Panduan Penyediaan Anggaran

- 5.1 Kadar harga pokok di dalam Jadual Kadar Harga ini digunakan untuk pengiraan kos bagi kerja-kerja penanaman '*standard tree*'.
- 5.2 Kadar harga sesuatu kerja diperolehi selepas dibuat perhitungan berdasarkan beberapa perkara tertentu. Pada dasarnya setiap harga unit termasuklah harga bagi:

1. MATERIAL

- a) Pokok
- b) Tanah campuran
- c) Sungkupan

2. BURUH

- a) Buruh separa mahir
- b) Buruh kasar
- c) Penyelia tapak

3. JENTERA

4. KEUNTUNGAN

PANDUAN 05 PENYEDIAAN ANGGARAN

5.1 Contoh Pengiraan Bagi Menentukan Kadar Harga Sebatang Pokok

Cinnamomum iners (Kayu Manis)

i. Bahan Mentah

No.	Kenyataan	Unit	*Kuantiti	*Kadar/Hari (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah kos (RM)
a.	Pokok	Nos	1	380.00	380.00	380.00
b.	Campuran Tanah	M ³	0.3	48.33	14.50	14.50
c.	Sungkupan (coco fiber)	M ²	1	1.00	1.00	1.00
					Kos Bahan Mentah	395.50

ii. Buruh

No.	Kenyataan	Unit	*Kuantiti	*Kadar/Hari (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah kos (RM)
a.	Buruh Kasar Kerja Penggalan & Penanaman (2 orang)	Jam	0.50	90.00	5.63	5.63
b.	Buruh Kasar Kerja Angkat Pokok ke Lokasi Penanaman Setiap 100m (2 orang)	Jam	0.17	90.00	1.88	1.88
c.	Penyelia Tapak	Jam	0.33	130.00	5.42	5.42
					Kos Buruh	12.92

PANDUAN 05 PENYEDIAAN ANGGARAN

iii. Jentera

No.	Kenyataan	Unit	*Kuantiti	*Kadar/Hari (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah kos (RM)
a.	Backhoe (Mengangkut pokok & penyediaan lubang penanaman)	Jam	0.25	550.00	17.19	17.19
					Kos Jentera	17.19

iv. Jumlah keseluruhan

Kenyataan	Jumlah (RM)
Bahan Mentah, Buruh dan Jentera (i + ii + iii)	425.60
*Keuntungan 15%	63.84
Kos Sebatang Pokok	489.44

Nota: * Bergantung pada perubahan harga semasa dan keadaan sesuatu projek



SEKIAN TERIMA KASIH

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

JABATAN LANDSKAP NEGARA